



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

Bagi Minggu 43/2012 (21 hingga 27 Oktober 2012)

Pada minggu ke 43, iaitu dari 21 hingga 27 Oktober 2012, terdapat dua (2) kematian Demam Denggi telah dilaporkan, masing-masing di Sarawak dan Sabah. Kes kematian di Sarawak melibatkan seorang petani wanita berusia 50 tahun yang juga menghidap penyakit Darah Tinggi (hypertension), telah mendapatkan rawatan di klinik kerajaan sehari selepas mengalami demam, sakit sendi, menggigil, kejang otot dan tiada selera makan. Pada keesokan harinya, beliau telah dirujuk ke hospital kerajaan dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk rawatan lanjut setelah mengalami fasa kritikal dan meninggal dunia selepas dua hari dirawat dengan sebab kematian Demam Denggi Berdarah.

Bagi kes kematian di Sabah, ia melibatkan seorang penjawat awam berusia 30 tahun dan mula mendapatkan rawatan sehari selepas mengalami demam, selsema dan sakit sendi di sebuah klinik swasta. Beliau telah dimasukkan ke wad di hospital kerajaan sehari selepas itu dan terus dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk rawatan lanjut. Walau bagaimanapun, pesakit meninggal dunia pada hari yang sama dengan sebab kematian *Severe Dengue with Multiorgan Failure*. Kedua-dua kes kematian tersebut berlaku di kawasan bukan wabak, namun hasil pemeriksaan oleh Pejabat Kesihatan Daerah mendapati Kadar Pembiakan Aedes adalah tinggi iaitu

2.3% di mana pembiakan Aedes ditemui di dalam baldi, tin kosong dan tangki septik di kawasan tempat pembuangan sampah dan kawasan tanah lapang. Tindakan segera telah dilakukan oleh penduduk setempat dengan menjalankan aktiviti gotong-royong di sekitar kawasan kediaman memusnahkan tempat pembiakan Aedes bagi memastikan tiada lagi kes Denggi berlaku.

Dalam tempoh yang sama, sejumlah 390 kes Demam Denggi telah dilaporkan berbanding 391 kes pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Sejak 2 bulan lepas terdapat beberapa negeri yang menunjukkan tren peningkatan kes berterusan seperti Kelantan yang meningkat sebanyak 67%, Sabah 35%, Perak 34% dan Sarawak 32%. Secara kumulatifnya kes Demam Denggi yang dilaporkan dari Januari sehingga 27 Oktober 2012 adalah 17,847 kes, berbanding 16,136 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011, iaitu peningkatan sebanyak 11% (1,711 kes) manakala jumlah kumulatif kes kematian Denggi adalah sebanyak 29 kes, meningkat dua (2) berbanding 27 kes untuk tempoh yang sama pada tahun 2011.

Selain daripada kes kematian yang berlaku, Sarawak juga sedang mengalami wabak di 6 daerah, melibatkan 8 lokaliti dan salah satu lokaliti merupakan lokaliti *hotspots* iaitu Rumah Patsy Selah di daerah Meradong, Sarikei, Sarawak yang melaporkan 10 kes Demam Denggi (Lampiran B). Komuniti rumah panjang telah mengambil inisiatif melaksanakan 6 gotong-royong sejak lokaliti tersebut diisytihar wabak Denggi. Manakala di Sabah juga, tren peningkatan kes telah berlaku sejak 2 minggu yang lepas di mana purata sebanyak 20 kes seminggu telah dilaporkan berbanding 10 kes pada minggu-minggu sebelumnya. Hasil pemantauan KKM mendapati kebanyakan kes Demam Denggi yang berlaku, terutama di Sarawak adalah di kawasan luar bandar. Tempat pembuangan sampah yang tidak terurus di

persekitaran kawasan kediaman telah dikenalpasti sebagai punca pembiakan Aedes yang menyebabkan kejadian wabak di negeri tersebut. Bagi mengatasi masalah berkenaan, penduduk dinasihatkan supaya menguruskan sampah dengan betul seperti memasukkan ke dalam plastik dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan. Bagi kawasan yang tiada liputan kutipan sampah, bekas-bekas seperti tin kosong, botol dan lain-lain bekas terbuang yang boleh menakung air perlu ditanam ke dalam lubang dan ditimbus supaya tidak menjadi tempat pembiakan Aedes.

Kementerian Kesihatan juga berharap semoga masyarakat dapat memastikan setiap kawasan berada dalam keadaan yang bersih dan bebas dari tempat pembiakan nyamuk Aedes. Semua pihak termasuk agensi kerajaan dan bukan kerajaan perlu bekerjasama memainkan peranan dalam aktiviti pencegahan Denggi di daerah dan negeri masing-masing. Usaha memerangi nyamuk Aedes perlu dibuat habis-habisan supaya keluarga dan masyarakat dapat dilindungi dari penyakit yang boleh membawa maut ini.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

1 November 2012

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 43/2012
(21 hingga 27 Oktober 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 43/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 43/2011
		Minggu 43 (21 – 27 OKtober 2012)	Minggu 42 (14 – 20 OKtober 2012)		
1	Perlis	2	2	146	92
2	Kedah	13	10	684 (3)	389
3	P. Pinang	17	11	649 (1)	1,394 (3)
4	Perak	26	38	1,429 (5)	1,063 (2)
5	Selangor	136	133	7,492 (11)	6,179 (7)
6	WPKL & Putrajaya	20	24	1,520 (3)	1,630 (2)
7	N. Sembilan	17	13	443 (1)	632 (3)
8	Melaka	4	2	392	341
9	Johor	33	29	1,354 (1)	1,346 (5)
10	Pahang	12	12	532 (1)	755 (1)
11	Terengganu	17	9	655	547 (1)
12	Kelantan	22	23	1,008	603 (1)
13	Sarawak	49 (1)	59	1,067 (1)	810
14	Sabah	22 (1)	26	467 (2)	346 (2)
15	WP Labuan	0	0	9	9
	MALAYSIA	390 (2)	391	17,847 (29)	16,136 (27)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 43 BAGI
TAHUN 2012 (21 - 27 OKTOBER 2012)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	Sarawak	Meradong	RH Patsy Selah	10	40